

# UMS Link lahir modal insan luar negara

Oleh HENRY BATING

hbating@gmail.com  
 14/12/2011 B3

**P**USAT Pembangunan Profesional UMS Link (UCPD) yang terletak di Alamesra Plaza Utama Jalan Sulaman Kota Kinabalu adalah sebuah Pusat Pendidikan dan Latihan yang ditubuhkan untuk mengendalikan program latihan dan pembangunan kepada badan-badan kerajaan, sektor swasta dan individu yang berminat.

UCPD yang terletak di bawah pengurusan UMS Link Holdings Sdn Bhd (ULink) iaitu sebuah syarikat milik penuh Universiti Malaysia Sabah (UMS) memiliki pentauliahan dari Jabatan Pembangunan Kemahiran Malaysia (JPK) dan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB), Malaysian Financial Planner Council, The International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF) dan The Institute of Hospitality Management Ireland (IHMI).

Setakat ini, UCPD menawarkan pelbagai program latihan dan pembangunan melibatkan Program Asas Pelajar Antarabangsa (ISFP), diploma penuh, diploma eksekutif, sijil-sijil profesional, latihan atau kursus jangka pendek, program kerjasama diploma dan kursus bahasa antarabangsa.

Antara program yang dikendalikan oleh UCPD yang paling mendapat sambutan adalah program ISFP. Program ini merupakan sebuah program fondasi dirangka khusus untuk pelajar antarabangsa yang akan melanjutkan



SERASI...Rakan senegara dari kiri, Angela, Boris dan Steven.

pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana di Universiti Malaysia Sabah.

Semasa sesi kemasukan program ISFP kali ke-18 Oktober lalu, seramai 136 pelajar antarabangsa mendaftarkan diri dengan perincian 134 dari China dan masing-masing seorang dari Turki dan Korea Selatan.

Kalangan pelajar yang mendaftar adalah untuk kemasukan program persediaan bagi pengajian

peringkat Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah (PhD). Sepanjang enam bulan pengajian dalam program asas, para pelajar dipersiapkan dengan kemahiran berbahasa Inggeris dan Pengajian Malaysia yang melibatkan bahasa Melayu, Sejarah dan Budaya Malaysia serta Tamadun Malaysia.

Dalam mengendalikan proses kemasukan Program ISFP, pihak pengurusan UCPD berserta Bahagian Hal Ehwal Pelajar

Antarabangsa UMS mengadakan sesi pemilihan calon-calon pelajar di negara-negara yang menawarkan penghantaran pelajar dalam bilangan yang ramai. Antara rangkaian jaringan yang dipelopori dengan meluas oleh UCPD termasuklah negara Republik China, Indonesia, Korea, Taiwan dan negara Timur Tengah.

Justeru, Pengarah Eksekutif UMS Link, Prof Dr Roselina Ahmad Shaufi dalam perjumpaan khusus

persediaan di UMS Link atas beberapa sebab.

Pertama, kemahiran bahasa Inggeris yang mereka peroleh boleh digunakan untuk kemasukan ke universiti-universiti berpengantara bahasa Inggeris lain di negara-negara luar. Kedua, mereka memang mahu memasuki UMS kerana mendapat maklumat bahawa universiti ini mempunyai kemudahan akademik yang terbaik di samping memiliki taraf pengiktirafan kelayakan oleh banyak negara.

Beberapa pelajar yang ditanya menyatakan reaksi yang memberangsangkan.

pengetahuannya bahawa Sabah masih memiliki panorama semulajadi di samping kewujudan sektor pelancongan yang sedang berkembang pesat. "Saya telah melalui pengalaman 10 tahun bekerja di Singapura dalam sektor yang sama dan setelah membuat analisis mengenai negeri-negeri di Malaysia, saya telah memilih Sabah," katanya.

Angela Li Jiayi, 18, antara pelajar paling muda dalam kumpulan pelajarambilan ke-17 menyatakan dia merasa amat bertuah memilih UMS sebagai tempat membuat persediaan

UMS Link dan Akademi Gas & Minyak Tun Ahmadshah 10 November lalu pula, seramai 159 lulusan program ISFP telah diraikan dari siriambilan ke-16 dan 17. Lulusan ISFP yang layak telah pun diterima masuk dalam pelbagai program pengajian prasiswazah dan pascasiswazah UMS.

Dalam ucapan pengumuman konvokesyennya, Pengerusi Kumpulan UMS Link Holdings, Datuk KY Mustafa berharap UMS Link yang ditubuhkan pada 15 April 2007 dapat menyediakan platform



BELAJAR BERSAMA...Sebahagian pelajar antarabangsa dari China di UMS Link.

Boris Jin Ge, 42, yang membuat persediaan bagi program PhD menyatakan, di samping menawarkan pengajian yang bersifat antarabangsa, Malaysia menawarkan potensi yang luas bagi hubungan dagang dengan China.

"Saya berharap dapat meneroka usaha sama perniagaan dengan syarikat-syarikat di Malaysia apabila selesai pengajian nanti," katanya yang memiliki firma kewangan di negaranya.

Bagi Steven Wang Qin, 30, beliau memutuskan untuk melanjutkan pengajian di UMS atas

bagi program pengajian ijazah pertama kerana apa yang telah beliau ketahui tentang UMS dalam satu taklimat di Beijing ternyata benar.

"Saya tidak merasa asing tinggal dan belajar di Sabah kerana begitu ramai orang boleh berbahasa Mandarin. Orang-orang yang saya temui di sini juga rata-ratanya boleh berbahasa Inggeris. Saya selalu mendapat pertolongan dalam setiap kemusykilan yang saya kemukakan," katanya.

Sempena Majlis Konvokesyen Graduan

untuk meningkatkan dan memperkembangkan bakat, kemahiran, pengetahuan dan kecekapan yang diperlukan oleh pelbagai peringkat sosial kehidupan.

"Melalui langkah itu, kita berharap UMS Link dapat meletakkan sasaran melahirkan tenaga kerja berdisiplin, kreatif, inovatif, pakar, berintegriti tinggi dan berpengetahuan demi mendukung peningkatan produktiviti, daya saing dan daya kreativiti bagi memenuhi permintaan industri dan ekonomi Malaysia yang sedang membangun," katanya.



PENDAFTARAN...Sebahagian 136 pelajar antarabangsa sedang mendaftar di UMS Link bagi kemasukan September 2011.

dengan kalangan pensyarah UCPD berharap sepanjang program persediaan selama enam bulan, setiap pelajar dapat dipersiapkan sepenuhnya untuk mengikuti bidang-bidang pengajian yang dipilih di pelbagai peringkat pengajian di UMS.

"Program persediaan amat penting bagi melengkapkan pelajar dengan asas bahasa Inggeris yang kukuh, kemahiran Bahasa Melayu yang mencukupi dan pengetahuan pengajian Malaysia yang meluas," katanya.

Maklumbalas yang diterima dari kalangan pelajar antarabangsa menyatakan mereka memilih memasuki program



ALAM KAMPUS...Kini terdaftar sebagai pelajar di pelbagai sekolah di UMS bagi pengajian ijazah sarjana muda.



TAMAT PROGRAM ASAS...Pelajar antarabangsa bergraduasi program asas dan memulakan pengajian ijazah di UMS.